Jika ditinjau pula aspek BC, BC yang juga dikenali sebagai bahasa Han, merupakan bahasa bagi orang berbangsa Han di China (Huang Borong dan Liao Xudong, 2011:1). Bahasa Han didefinisikan dengan rasmi sebagai “bahasa umum (*Putonghua*) yang berasaskan sebutan Beijing, leksikal dialek Utara China, dan tatabahasa kesusasteraan moden China” (Shao Jingmin, 2005:2). Di Malaysia, BC merupakan bahasa perantaraan yang digunakan secara meluas dan rasmi dalam kalangan masyarakat Cina. BC juga merupakan bahasa perantaraan di Sekolah Jenis Kebangsaan beraliran Cina. Ringkasnya, BC dipelajari sebagai bahasa ketiga dalam kalangan pelajar yang merupakan penutur natif BM, manakala BM dipelajari sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar yang merupakan penutur natif bahasa Cina. Oleh itu, hubungan interaksi antara BM dan BC berlaku sama ada dalam pengajaran dan pembelajaran ataupun dalam penterjemahan yang sekali gus bertindak sebagai wahana bagi memupuk keharmonian etnik dan memperkukuh perpaduan negara.

Dari aspek kata kerja, “kata kerja (KK) ialah perkataan yang menjadi inti bagi binaan atau konstruksi frasa kerja” (*Tatabahasa Dewan*, 2015:143). Jika dilihat definisi KK dalam BC pula, Lü Shuxiang, Zhu Dexi (1952) dan Li Jinxi (1992) berpendapat bahawa KK merupakan kata yang menunjukkan perbuatan atau tingkah laku. Menurut Yin Daizhong (2007), KK mempunyai kedudukan yang penting dalam BC kerana KK merupakan “pusat” bagi suatu ayat. Tambahan lagi, komponen-komponen lain dalam ayat berhubung kait secara langsung dengan KK. Ternyata bahawa dalam BM dan BC, KK merupakan komponen yang amat penting.

Dari aspek morfologi dalam BM, *Tatabahasa Dewan* (2015:57) menyatakan bahawa BM merupakan bahasa yang bersifat derivatif, dan jenis bahasa sedemikian membentuk kebanyakan perkataannya melalui proses pengimbuhan atau penggabungan morfem kata dasar dengan morfem imbuhan. KK yang terhasil daripada proses pengimbuhan dipanggil KK terbitan, jenis-jenis terbitan KK termasuk awalan, akhiran, apitan dan sisipan (*Tatabahasa Dewan*, 2015:151). Imbuhan, mengikut penerangan dalam *Tatabahasa Dewan* (2015:45), merujuk “unit-unit bahasa tertentu yang ditambahkan pada bentuk-bentuk lain yang menyebabkan perubahan makna nahunya”. Pernyataan tersebut menjelaskan bahawa pengimbuhan dan makna KK, khususnya makna tatabahasanya mempunyai hubungan yang rapat.

Berkenaan dengan aspek morfologi dalam BC, Liu Youxin (2003:11) berpandangan bahawa perkataan baharu dalam BC lazimnya terbentuk melalui penggabungan morfem yang sedia wujud, iaitu pemajmukan kata. Walau bagaimanapun, imbuhan (*cizhui*) memang wujud dalam BC, namun jenis dan penggunaan imbuhan dalam BC adalah amat terhad. Hal demikian disokong oleh Chen Rongrong (2014) yang mencerakin bahawa fungsi imbuhan dalam BC tidak sepenting fungsi imbuhan dalam bahasa Melayu. Menurut Zhu Dexi (2007:28) pula, imbuhan dalam BC merupakan konsep yang bertentangan dengan kata akar. Imbuhan BC tidak mempunyai makna leksikal yang konkrit tetapi mempunyai makna tatabahasa. Tambahan beliau lagi, imbuhan merupakan morfem yang mempunyai kedudukan yang tertentu dalam suatu unit leksikal, iaitu sama ada imbuhan awalan (*qianzhui*) atau imbuhan akhiran (*houzhui*). Berkenaan dengan pengimbuhan, walaupun pengimbuhan berlaku dalam BC, namun penambahan imbuhan dalam morfem tidak semestinya menyebabkan perubahan makna tatabahasa. Oleh hal yang demikian, Lü Shuxiang (2005:2) mendakwa bahawa BC tidak mempunyai perubahan bentuk yang sebenar.

Berkenaan dengan pernyataan demikian, Zhu Dexi (2005:2) turut menjelaskan bahawa ciri-ciri BC yang tidak mempunyai perubahan bentuk menjadikan turutan perkataan (sintaks) dan kata tugas memainkan peranan yang penting dalam BC. Daripada perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa pengimbuhan berlaku dalam BM dan menyebabkan perubahan aspek semantik bagi KK BM. Namun demikian, pengimbuhan jarang-jarang berlaku dalam BC dan KK BC. Ternyata bahawa BM dan BC mempunyai perbezaan dari segi morfologi dan pembentukan KK. Oleh itu, padanan KK terbitan dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina mempunyai keperluan dan kepentingan kajian yang signifikan. Lantaran itu, kajian ini ingin membuka jalan untuk meneliti padanan KK terbitan dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Daripada pemerhatian dan analisis awal pengkaji, didapati bahawa ketepatan padanan bagi KK berimbuhan meN- yang disediakan dalam *Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru* terbitan tahun 2015 (disingkatkan sebagai KUBMC) adalah kurang daripada 80%. Antara kesalahan padanan yang dikenal pasti termasuk terjemahan makna tatabahasa yang tidak tepat, misalnya terjemahan “mempercantik” kepada “使漂亮 *shi piaoliang*” (KUBMC, 2015:260) yang bermaksud “menjadikan cantik”, tetapi mengikut definisi yang diberikan dalam *Kamus Dewan* (2015:245), “mempercantik” bererti “menjadikan makin cantik”. Selain itu, maklumat tentang objek yang diterima oleh sesuatu KK transitif adalah tidak tepat. Sebagai contoh, “mengacungkan” disediakan padanan “使指向... *shi zhixiang*” (KUBMC, 2015:6) yang bermaksud “menjadikan menunjuk ke arah ...”. Mengikut padanan tersebut, “mengacungkan” merupakan KK transitif yang menerima objek sesuatu arah atau tempat. Berdasarkan definisi yang disediakan dalam *Kamus Dewan* (2015:5) pula,



“mengacungkan” bererti “menghalakan (sesuatu ke arah seseorang), menunjukkan tangan dan lain-lain”. Berdasarkan makna tersebut, KK “mengacungkan” menerima objek sesuatu yang diacungkan, tetapi bukannya arah. Analisis tentang padanan yang disediakan dalam KUBMC adalah berasaskan *Kamus Dewan Edisi Keempat (KD)*, dan *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (TD)* sebagai rujukan tatabahasa. Dengan ini, pengkaji mengandaikan bahawa aspek padanan terjemahan dalam KUBMC sememangnya mengalami masalah ketepatan dan fenomena ini menjadi justifikasi yang kukuh bagi pengkaji untuk menjalankan kajian.

Hal ini selaras dengan pendapat Barbara (1984:92) yang menyatakan bahawa KK merupakan golongan kata yang paling sukar untuk diterangkan. Menurut Darwis Harahap (1994), KK BM cukup rumit kerana binaan perkataannya banyak dan maknanya juga pelbagai. Oleh yang demikian, kesalahan dan kekhilafan semasa menggunakan KK sering berlaku. Barbara (1984:92) menambah lagi bahawa dalam bidang perkamusan, usaha menerangkan KK ialah tugas yang sukar kerana pemerian KK ialah pemerian makna tentang suatu pergerakan, tetapi bukan suatu objek yang konkrit. Beliau mendakwa lagi bahawa hal mengendalikan KK mengambil masa yang lama bagi seseorang ahli perkamusan, serta ketelitian dan ketepatan amat diperlukan bagi memastikan pengguna memahami bahasa berkenaan.

Sekiranya dilihat dari aspek maklumat linguistik yang lain, tinjauan awal pengkaji menunjukkan bahawa maklumat-maklumat seperti etimologi, kelas kata, jenama pengguna dan contoh ayat adalah kurang padat dalam KUBMC. Daripada hasil tinjauan terhadap 100 entri KK berimbuan meN- yang pertama dalam KUBMC (dari muka surat 1 hingga 22), terdapat lapan entri yang mempunyai maklumat linguistik (selain pemerian dalam TT).

Jadual 1.1 Maklumat linguistik bagi entri “mengaben”, “mengabuk”, “mengacak”, “mengacarakan”, “mengadang”, “mengadar”, “mengadat”, “mengajuk” dalam KUBMC

| Bil. | m/s | Maklumat Linguistik                                |
|------|-----|--|
| 1    | 2   | [Bl] mengaben 焚尸，火葬。                               |
| 2    | 4   | [J] mengabuk 占有（别人的财产），冒认。                         |
| 3    | 4   | [J] mengacak 1 胡做，乱做，乱搞，无、次序的做。2 干涉，干预。            |
| 4    | 5   | [J] mengacarakan 迎接，迎迓，款待，招待，接待，邀请（坐下等）。           |
| 5    | 8   | mengadang <sup>3</sup> [Min] 朝向，面对，针对，旨在……，以……为目的。 |
| 6    | 8   | [Jo] mengadar （在别人家里）过夜，借宿，露宿，露营。                  |
| 7    | 8   | [J] mengadat 1 耍脾气，使性子。2 （机器、车子等）半途不走，抛锚。          |
| 8    | 22  | mengajuk 嘲弄，愚弄，作弄，嘲笑；同: mengejek                   |

Mengikut Jadual 1.1, dua jenis maklumat linguistik (tidak termasuk pemerian dalam TT) disediakan untuk entri “mengaben”, “mengabuk”, “mengacak”, “mengacarakan”, “mengadang”, “mengadar”, “mengadat”, dan “mengajuk”, iaitu maklumat etimologi dan sinonim. Tujuh daripada maklumat linguistik yang disediakan merupakan maklumat etimologi, iaitu [Bl] (Bali), [J] (Jawa), [Jo] (Johor), dan [Min] (Minangkabau). Sinonim disediakan untuk entri “mengajuk” dengan singkatan “同” ([*tong*], sama) yang mewakili “同义词” ([*tongyi ci*], sinonim). Kebanyakan maklumat yang disediakan ini merupakan maklumat etimologi. Tinjauan pengkaji menunjukkan bahawa maklumat-maklumat linguistik yang lain, seperti kelas kata dan maklumat tatabahasa lain tidak disediakan dalam KUBMC. Dengan itu, KUBMC kelihatan mempunyai masalah dari aspek penyediaan maklumat selain pemerian dalam TT.

Berkenaan dengan penyediaan maklumat dalam kamus, Norhasliza (2015) beranggapan bahawa maklumat bahasa yang padat mampu membekali pengguna dengan maklumat yang ingin dicari dan memberikan kefahaman dari segi makna, kelas kata, sebutan, asal-usul dan lain-lain. Chong Oi Chin dan Vijayaletchumy (2014) mempunyai pendapat yang sama. Menurut Chong dan Vijayaletchumy (2014), kamus hendaklah dimasukkan label kelas, kerana label kelas merupakan maklumat yang penting dalam kamus. Selain itu, Irina (2004) turut mendakwa bahawa label penggunaan adalah amat penting kepada pengguna kamus, khususnya pelajar bahasa asing kerana petanda-petanda tersebut memberikan maklumat tentang penggunaan sesuatu perkataan supaya pengguna tidak membuat kesalahan. Tinjauan pengkaji terhadap kajian lepas (Bergenholtz et al., 1995; Ibrahim, 2004; Irina, 2004; Lydia, 2011; Chong Oi Chin dan Vijayaletchumy, 2014; Norhasliza, 2015) menunjukkan bahawa medan maklumat dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina kurang mendapat perhatian para pengkaji dalam kajian terdahulu. Dengan demikian, masalah kekurangan maklumat dalam KUBMC serta kekurangan kajian tentang maklumat linguistik dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina menuntut keperluan menjalankan kajian terhadap maklumat-maklumat selain pemerian dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina.

Dari aspek bahasa dan terjemahannya, kajian tentang BM dan BC serta terjemahan bahasa Cina-Melayu kurang mendapat perhatian pengkaji dalam kajian-kajian terdahulu, khususnya di Malaysia. Dari aspek terjemahan KK, Barbara (1984:92) menyifatkan KK sebagai kelas kata yang kompleks, dan KK merupakan golongan kata yang paling sukar untuk diterangkan. Barbara (1984:87) berpendapat bahawa tugas yang paling sukar bagi pelajar adalah memahami maklumat yang disampaikan oleh perkataan dalam bentuk yang berlainan. Beliau menambah lagi, banyak pengguna

kamus mendapati bahawa penyusun kamus bahasa yang umum selalunya mempunyai anggapan bahawa penggunanya mempunyai pengetahuan tentang KK dalam suatu bahasa. Jika diambil kamus dwibahasa Melayu-Cina sebagai contoh, penyusun kamus berkenaan mempunyai anggapan bahawa pengguna kamus sudah memahami perubahan bentuk yang berlaku pada KK BM dan makna tatabahasa imbuhan KK BM, misalan KK “mengenal, mengenali, mengenalkan, memperkenalkan” dalam bentuk terbitan yang berlainan mendukung makna yang berlainan. Namun, anggapan ini belum dikemukakan kesahihannya. Fenomena KK BM yang banyak berubah bentuk melalui pengimbuhan sememangnya menyulitkan pelajar Cina yang bukan penutur natif BM.

Dari aspek pembelajaran BM dalam kalangan penutur BC, Liew Siew Lin dan rakan-rakan (2016) membahaskan bahawa dalam kalangan pelajar Cina sekolah menengah, masalah penguasaan tatabahasa BM sering diperkatakan. Abdul Aziz (2000) mengemukakan pendapat bahawa penutur BM berketurunan Cina paling banyak menghadapi masalah gangguan bahasa ibunda dan pengaruh dialek tempatan dalam BM. Hal ini demikian kerana struktur BC berbeza dengan BM. Siti Baidura dan Nurul Jamilah (2011) turut menyokong pandangan Abdul Aziz. Mereka berpendapat bahawa kebanyakan pelajar melakukan kesalahan tatabahasa disebabkan gangguan bahasa ibunda. Siti Baidura dan Nurul Jamilah (2011) juga bersetuju bahawa bahasa ibunda mempengaruhi kesalahan tatabahasa pelajar. Daripada dapatan kajian lepas, didapati bahawa pelajar BM yang merupakan penutur BC menghadapi masalah penguasaan tatabahasa BM disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda. Gangguan pembelajaran tersebut wujud kerana terdapat perbezaan bahasa antara BM dan BC, sekali gus perbezaan tersebut menyebabkan kesalahan penggunaan BM dalam kalangan pelajar yang merupakan penutur BC.

Selain itu, dapatan kajian Liew Siew Lin dan rakan-rakan (2016) membuktikan bahawa antara kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar Cina sekolah menengah selain perkataan dan istilah ialah kesalahan penggunaan imbuhan. Selain itu, Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016) juga mendapati bahawa pelajar BM yang merupakan penutur natif BC, iaitu pelajar China di Malaysia juga melakukan kesalahan aspek imbuhan awalan, akhiran dan apitan. Di samping itu, sebagai akibat kurangnya pemahaman dan pengetahuan terhadap penggunaan imbuhan dalam BM, para pelajar menghasilkan imbuhan yang tidak tepat, lantas menjejaskan makna yang ingin disampaikan. Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016) menjelaskan lagi bahawa proses pengimbuhan secara dasar mungkin sudah dipelajari oleh mereka, namun untuk membezakan proses penggunaan antara KK transitif dengan KK tak transitif, pelajar-pelajar yang merupakan penutur BC ini memerlukan masa yang lebih lama.

Tambahan lagi, kajian yang dijalankan oleh Norsidah dan rakan-rakan (2010) membuktikan bahawa terdapat sembilan aspek kesalahan morfologi yang sering dilakukan oleh pelajar terutamanya kesalahan imbuhan awalan beR-, di-, ke-, meN-, pe-. Siti Baidura dan Nurul Jamilah (2011) juga mendapati bahawa pelajar universiti sering melakukan kesalahan dalam penggunaan imbuhan meN-. Antara kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar termasuk kesalahan penggunaan imbuhan meN-, tidak mengimbuhan kata dasar, dan kesalahan penggunaan KK transitif/tak transitif.

Selain itu, Alhaadi Ismail dan Zaitul Azma (2018) juga mendapati bahawa antara kesalahan bahasa yang sering kali dilakukan oleh murid-murid Cina dalam penulisan mereka ialah kesalahan dari aspek morfologi. Kesalahan-kesalahan dari aspek morfologi ialah kesalahan penggunaan imbuhan awalan “di-”, imbuhan “meN-” dan pemilihan istilah. Kesalahan dalam penggunaan imbuhan awalan “di-” merupakan

kesalahan yang dilakukan oleh kebanyakan murid. Namun, kesalahan dari segi pemilihan alomorf bagi imbuhan “meN-” merupakan kesalahan yang paling banyak dilakukan secara keseluruhannya.

Ternyata bahawa BM, khususnya KK dan pengimbuhan merupakan cabaran besar bagi pelajar bukan penutur natif BM disebabkan oleh pelbagai faktor. Oleh itu, suatu medium bahasa diperlukan bagi membantu pelajar-pelajar ini mempelajari BM dengan lebih berkesan, iaitu bahasa ibunda pelajar. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Goh Sang Seong (2010:333), dirumuskan bahawa “dengan adanya bantuan terjemahan, penguasaan kosa kata BM dalam kalangan pelajar dari sekolah beraliran Cina akan mencapai tahap yang lebih cemerlang dari aspek kuantiti dan kualiti”. Goh Sang Seong (2010:327) menambah lagi, “terjemahan bukan sahaja memainkan peranan sebagai pengembang serta penyebar ilmu dan maklumat, malah turut memikul tugas sebagai pelengkap dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa bukan ibunda.” Oleh itu, kamus dwibahasa Melayu-Cina yang menyediakan makna sesuatu perkataan dalam bahasa sasaran (BT), iaitu BC memainkan peranan yang penting sebagai sumber rujukan bagi pembelajaran dan penterjemahan BM dalam kalangan pelajar Cina bukan penutur natif BM. Kamus dwibahasa Melayu-Cina yang berkesan bukan sahaja dapat menyediakan maklumat-maklumat yang dapat membantu penggunanya memahami makna leksikal dan makna tatabahasa BM, malah dapat membantu penggunanya memahami perbezaan yang wujud antara BM dan BC. Berdasarkan rumusan daripada kajian lepas ini, pengkaji terpanggil untuk meneliti KK, khususnya KK terbitan dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina.

Daripada sorotan kajian lepas berkenaan dengan perkamusan, didapati bahawa kebanyakan kajian tentang kamus dan kamus dwibahasa yang dijalankan oleh pengkaji luar negara tertumpu pada sejarah kamus, penggunaan kamus, struktur kamus dan

kritikan kamus (Atkins, 1985; Allen, 1996; Nesi, 1996; Liu Songhao, 1997; Stark, 1999; Kumalo, 1999; Swanepoel, 2001; Irina, 2004; Mooinjaart dan Wal, 2008; Lydia, 2011; Tarp, 2011; Robert Lew, 2013; Nkomo dan Wababa, 2013; Wolter, 2015; Safiullina, 2016; Tomović et al., 2018; Jin Xinxin, 2021; Erzhanova Zhanna Borisovna, 2022; Chaak Ming Lau, Grace Wing-yan Chan, Raymond Ka-wai Tse & Lilian Suet-ying Chan, 2022), manakala pengkaji tempatan banyak tertumpu pada kajian ekabahasa Melayu dan kamus dwibahasa Melayu-Inggeris/bahasa Inggeris Melayu (Wong Siow Kim, 1979; Ibrahim Ahmad, 1994; Noresah Baharom, 1994; Asraf, 1995; Norliza Haji Jamaluddin, 2000; Nurul Ain, 2005; Chong Oi Chin dan Vijayaletchumy, 2013; Norhasliza, 2015; Norati Bakar, 2017; Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy, 2018; Hasnah Mohamad, 2021). Sorotan kajian lepas membuktikan bahawa kajian yang melibatkan kamus dwibahasa Melayu-Cina masih sangat kurang. Hal demikian membuktikan keperluan menjalankan kajian terhadap kamus dwibahasa Melayu-Cina.

Walaupun kamus dwibahasa itu merupakan suatu hasil terjemahan, akan tetapi, kajian langkau bidang perkamusan dan terjemahan kurang mendapat perhatian para sarjana. Berkenaan dengan hal demikian, Hartmann (1989:85) melontarkan persoalannya seperti yang berikut:

*“I shall ask why they (lexicography and translation) have stood apart for so long and what can be done to bring about a rapprochement between them.” “...the two fields have a special responsibility for describing and reducing interlingual contrast and thus helping more people cross the language barrier.”*

*“I shall ask why they have stood apart for so long and what can be done to bring about a rapprochement between them.”*

Hartmann (2004:7) turut mendakwa bahawa topik interlingual dalam perkamusan dan topik perkamusan dalam terjemahan telah lama diabaikan, lantas beliau menyarankan agar para sarjana agar memberikan perhatian terhadap kedua-dua

topik tersebut. Menurut Hartmann (2001:34) lagi, masih terdapat banyak masalah perkamusan yang menantikan penyelesaian antara disiplin, seperti penerangan makna, gaya definisi, kelas kata, label tatabahasa, analisis bandingan, dan kesepadanan terjemahan.

Daripada fenomena, masalah dan sorotan kajian lepas yang dikemukakan, pernyataan masalah disimpulkan seperti yang berikut:

- i) Padanan dalam KUBMC mengalami masalah ketepatan terjemahan;
- ii) KUBMC mempunyai masalah dari aspek penyediaan maklumat yang selain daripada pemerian dalam TT;
- iii) BM dan BC mempunyai perbezaan bahasa yang ketara;
- iv) KK merupakan golongan KK yang sukar diterangkan dalam kamus;
- v) KK berimbuan meN- mempunyai pelbagai bentuk dan makna, lantas menimbulkan kesukaran dalam pembelajaran dan pengajaran;
- vi) Pelajar bukan natif BM mengalami kesukaran mempelajari KK berimbuan meN-;
- vii) Kajian lepas menunjukkan terdapatnya lompang kajian merentasi disiplin yang melibatkan terjemahan dan perkamusan;
- viii) Kajian tentang kamus dwibahasa Melayu-Cina sememangnya masih kekurangan.

Oleh hal yang demikian, pengkaji beranggapan bahawa masih ada ruang yang perlu diteliti dan dikaji dalam bidang terjemahan dan perkamusan, khususnya bagi aspek padanan KK dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina.



### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan tiga objektif, objektif kajian (1), (2) dan (3) adalah seperti yang berikut.

- (1) membandingkan KK berimbuhan meN- dan padanannya dalam BC dari segi bentuk dan makna;
- (2) menganalisis dan menyimpulkan ketepatan padanan KK berimbuhan meN- dalam BC;
- (3) meneliti fenomena kehadiran maklumat-maklumat diakronik, pemerian (dalam BS), sinkronik, diasistematik dan contoh penggunaan bagi KK berimbuhan meN- dalam KUBMC.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Tiga persoalan yang utama bagi mencapai objektif Persoalan Kajian (1), (2) dan (3) masing-masing adalah seperti yang berikut:

- i) Apakah persamaan dan perbezaan KK berimbuhan meN- dan padanannya dalam BC dari segi makna dan bentuknya?
- ii) Setakat manakah ketepatan padanan KK berimbuhan meN- dalam BC?
- iii) Apakah fenomena kehadiran maklumat-maklumat diakronik, sinkronik, pemerian (dalam BS), diasistematik dan contoh penggunaan dalam KUBMC?

## 1.5 Kerangka Teori

Untuk menjawab persoalan-persoalan kajian ini, teori-teori, idea-idea dan pandangan oleh para sarjana telah dimanfaatkan dalam kajian ini. Pada dasarnya, kajian ini adalah berasaskan teori perkamusan. Berdasarkan teori dan pandangan oleh Hartmann (2001), mikrostruktur kamus terdiri daripada dua komponen, iaitu komen formal dan komen semantik. Bahan yang dikaji dalam kajian ini ialah bahagian mikrostruktur sebuah kamus dwibahasa Melayu-Cina. Dari aspek maklumat dalam kamus, pemetaan maklumat dalam kamus dan maklumat linguistik oleh Hartmann dan James (1998) telah membuka jalan kepada pengkaji untuk mengkaji maklumat linguistik dalam kamus. Jika ditinjau kamus yang dikaji, maklumat linguistik dalam kamus dwibahasa yang dikaji terdiri daripada maklumat linguistik dalam bahasa sumber (BS) dan bahasa sasaran (BT). Sehubungan itu, maklumat linguistik dalam kajian ini akan dikaji dari sudut maklumat linguistik yang merupakan BS, iaitu maklumat dalam bahasa yang sama dengan entrinya, serta maklumat linguistik yang merupakan hasil terjemahan, iaitu padanannya. Kesedaran tersebut diperoleh daripada pernyataan “terjemahan sebagai produk atau hasil terjemahan” oleh Munday (2016). Dalam pada itu, pemetaan jenis kajian kamus dari sudut metaleksikografi oleh Hartmann (2001), iaitu kajian bandingan interlingual dan terjemahan telah memandu pengkaji untuk mengkaji padanan yang disediakan dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina dari aspek bandingan BM dan BC, serta terjemahan BM-BC.

Jika dilihat dari sudut maklumat linguistik, Persoalan Kajian (3) meninjau maklumat linguistik yang disediakan dalam BS, manakala Persoalan Kajian (1) dan (2) meneliti maklumat linguistik yang diberikan dalam BT, iaitu padanan KK berimbuhan meN- dalam BC. Jika dilihat Persoalan Kajian (1), entri KK berimbuhan meN- dan padanannya dibandingkan untuk memperlihatkan persamaan dan perbezaannya,

sementara itu Persoalan Kajian (2) mengkaji ketepatan padanan KK berimbuan meN-. Persoalan Kajian (1) dan (2) merupakan kajian interlingual dan terjemahan jika dilihat dari sudut kajian kamus.

Untuk menjawab Persoalan Kajian (1), analisis bandingan yang diusulkan oleh Johansson (2008) telah dimanfaatkan untuk membandingkan KK berimbuan meN- dan padanannya. Analisis bandingan ini akan dibuat dari aspek makna dan bentuk, dan konsep bentuk dalam kajian ini adalah merujuk definisi yang dikemukakan oleh Larson (1984). Selain itu, klasifikasi jenis padanan dalam kamus dwibahasa oleh Al-Kasimi (1983), iaitu padanan terjemahan dan padanan penjelasan juga diambil manfaat dalam kajian analisis bandingan ini.

Untuk menjawab Persoalan Kajian (2), teori ketepatan terjemahan Larson (1984) telah dimanfaatkan. Dari segi makna, klasifikasi makna leksikon dan definisi untuk dua jenis makna leksikon, iaitu makna leksikal dan makna tatabahasa yang dicadangkan oleh Darwis Harahap (1994) telah dimanfaatkan untuk menilai ketepatan padanan KK berimbuan meN-.

Untuk mencapai objektif Persoalan Kajian (3), pemetaan maklumat linguistik oleh Hartmann dan James (1998) telah diambil manfaat untuk mengkaji kehadiran maklumat-maklumat linguistik (selaian pemerianya dalam BC) yang disediakan untuk KK berimbuan meN- dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina. Selain itu, klasifikasi maklumat disistematik kepada 11 subkategori yang dicadangkan oleh Hartmann dan James (1998) juga akan dimanfaatkan untuk meneliti kehadiran maklumat diasistematik yang disediakan untuk KK berimbuan meN-.

Dari segi pengkategorian bahan kajian ini, penggolongan KK berimbuhan meN- adalah dilakukan berdasarkan klasifikasi KK berimbuhan meN- yang diberikan dalam TD (2015). Selain itu, makna KK berimbuhan meN- kategori yang berlainan juga berasaskan rumus tatabahasa dalam TD (2015).

Dalam analisis data dan pencerakinan data kajian ini, rumus tatabahasa dalam TD (2015) akan dijadikan rujukan utama untuk menghuraikan aspek-aspek tatabahasa BM seperti imbuhan, KK, imbuhan meN-, dan KK berimbuhan meN-. Dari aspek rujukan dalam BC pula, teori-teori dan pandangan-pandangan tokoh-tokoh linguistik BC seperti Zhu Dexi (2005), Huang Borong dan Liao Xudong (2011), Lü Shuxiang (1979, 2005) dan Wang Li (1937) akan dijadikan rujukan utama.

Kerangka teori yang dimanfaatkan untuk menjawab Persoalan Kajian (1), (2), dan (3) dirumuskan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2 Kerangka teori untuk menjawab Persoalan Kajian (1), (2) dan (3)

| Persoalan Kajian   | KerangkaTeori  |
|--|--|
| (1) Apakah persamaan dan perbezaan KK berimbuhan meN- dan padanannya dalam BC dari segi makna dan bentuknya? | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Analisis bandingan interlingual (Johansson, 2008)</li> <li>• Makna leksikal (Darwis Harahap, 1994)</li> <li>• Bentuk dalam bahasa (Larson, 1984)</li> <li>• Morfem dan morfologi (Abdullah Hassan, 1975)</li> <li>• Definisi tentang imbuhan, kata, frasa, KK (TD, 2015)</li> <li>• Rumus tatabahasa BC (Zhu Dexi, 2005; Huang Borong dan Liao Xudong, 2011; Lü Shuxiang, 1979, 2005; Wang Li, 1937)</li> </ul> |
| (2) Setakat manakah ketepatan padanan KK berimbuhan meN- dalam BC?   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketepatan terjemahan (Larson, 1984)</li> <li>• Jenis padanan dalam kamus dwibahasa (Al-Kasimi, 1983)</li> <li>• Morfem dan morfologi (Abdullah Hassan, 1975)</li> <li>• Definisi tentang imbuhan, kata, frasa, KK (TD, 2015)</li> <li>• Rumus tatabahasa BC (Zhu Dexi, 2005; Huang Borong dan Liao Xudong, 2011; Lü Shuxiang, 1979, 2005; Wang Li, 1937)</li> </ul>   |

Jadual 1.2 (Sambungan)

| Persoalan Kajian  | KerangkaTeori  |
|---|--|
| (3) Apakah fenomena kehadiran maklumat-maklumat diakronik, sinkronik, pemerian (dalam BS), diasistematik dan contoh penggunaan dalam KUBMC? | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Maklumat dalam kamus (Hartmann dan James, 1998)</li> <li>• Pemetaan maklumat linguistik (Hartmann dan James, 1998)</li> <li>• Pemetaan subkategori maklumat diasistematik (Hartmann dan James, 1998)</li> </ul> |

## 1.6 Metodologi Kajian

Kajian ini memanfaatkan kaedah kualitatif deskriptif, kajian kepustakaan, dan perbandingan teks dalam analisis data kajian ini, iaitu entri KK berimbuhan meN- dan maklumat linguistiknya yang disediakan dalam kamus dwibahasa Melayu-Cina. Selain itu, kaedah kuantitatif mudah juga dimanfaatkan dalam kajian ini untuk memperlihatkan jumlah dan peratusan data.

Dari aspek pengumpulan data untuk kajian ini, KK berimbuhan meN- dalam KUBMC yang terdapat dalam KD, dan maknanya yang menepati maksud yang dimuatkan dalam KD diperturunkan daripada KUBMC. KK berimbuhan meN- berserta makna dan pecahan maknanya kemudian dibahagikan kepada enam kategori, mengikut pengkategorian KK berimbuhan meN- dalam TD, iaitu KK berawalan meN- dan memper-, serta KK berapitan meN-...-i, meN-...-kan, memper-...-i, memper-...-kan. Dari segi catatan data, data untuk enam kategori KK berimbuhan meN- tersebut dicatatkan dalam enam dokumen Excel yang berasingan. Selanjutnya, makna dan pecahan makna KK berimbuhan meN- dalam setiap kategori KK berimbuhan meN- diamati dan diperincikan lagi mengikut maksud KK berimbuhan meN-, berdasarkan rumus tatabahasa tentang makna KK berimbuhan meN- yang diberikan dalam TD. Jadual 1.3 memaparkan label yang digunakan untuk mewakili maksud KK berimbuhan meN- bagi kategori KK berimbuhan meN- yang berlainan dalam dokumen Excel.

Jadual 1.3 Label yang digunakan untuk mewakili setiap maksud untuk KK berimbuhan meN- yang berlainan kategori

| <b>Bil.</b> | <b>Kategori Makna KK berawalan meN-</b>                   |   | <b>Label</b> |
|-------------|---|---|--------------|
| 1           | melakukan sesuatu   |   | A            |
| 2           | mengeluarkan suara  |   | B            |
| 3           | membuang, mencari atau mengumpulkan sesuatu               |   | C            |
| 4           | menuju sasaran  |   | D            |
| 5           | berlaku seperti atau menyerupai sesuatu                   |   | E            |
| 6           | hidup sebagai   |   | F            |
| 7           | Menjadi   |   | G            |
| 9           | lain-lain   |   | LAI          |
| <b>Bil.</b> | <b>Kategori Makna KK berawalan memper-</b>                |   |              |
| 1           | memper- + KN  | menjadikan sebagai maksud perbuatan dalam kata dasar                        | KN           |
| 2           | memper- + KA  | menjadikan lebih atau bertambah bagi sifat yang terkandung dalam kata dasar | KA           |
| 3           | memper- + KK  | memperbuat: bentuk lewah “membuat”  | KK           |
| 4           | memper- + KT  | memperoleh: mendapat sesuatu  | KT           |
| <b>Bil.</b> | <b>Kategori Makna KK berapitan meN-...-i</b>              |   |              |
| 1           | mendukung makna asas yang terkandung dalam kata dasar     |   | KER          |
| 2           | memberi pengertian kausatif atau menyebabkan sesuatu jadi |   | KAU          |
| 3           | memberi pengertian lokatif, iaitu menyatakan unsur tempat |   | LOK          |
| 4           | lain-lain   |   | LAI          |
| <b>Bil.</b> | <b>Kategori Makna KK berapitan meN-...-kan</b>            |   |              |
| 1           | maksud membuat sesuatu yang terkandung dalam KK dasar     |   | KER          |
| 2           | maksud kausatif atau menyebabkan                          |   | KAU          |
| 3           | maksud benekatif atau manfaat                             |   | BEN          |
| 4           | lain-lain   |   | LAI          |
| <b>Bil.</b> | <b>Kategori Makna KK berapitan memper-...-i</b>           |   |              |
| 1           | Makna kausatif  |   | KAU          |
| 2           | Melakukan perbuatan                                       |   | LAK          |
| 3           | Lain-lain   |   | LAI          |

Jadual 1.3 (Sambungan)

| <b>Bil.</b> | <b>Kategori Makna KK berapitan memper-...-kan</b>                                     |     |
|-------------|---|-----|
| <b>1</b>    | pengertian kausatif (menjadikan atau menyebabkan)                                     | KAU |
| <b>2</b>    | pengertian menyebabkan orang lain melakukan perbuatan yang terkandung dalam maksud KK | BUA |
| <b>3</b>    | lain-lain   | LAI |

Dari segi analisis data, data kajian untuk Persoalan Kajian (1), (2) dan (3) dianalisis mengikut objektif kajian masing-masing. Untuk menjawab Persoalan Kajian (1), data dianalisis dari segi maknanya dan bentuknya mengikut kaedah bandingan interlingual. Bentuk padanan diklasifikasikan mengikut bentuk KK, FK dan bentuk-bentuk lain. Untuk menjawab Persoalan Kajian (2), padanan dinilai dari segi ketepatan terjemahannya dari aspek makna leksikal dan makna tatabahasa KK berimbuan meN-, dan dikategorikan kepada keadaan terjemahan tepat, penambahan makna, pengurangan makna, perbezaan makna dan pengosongan makna. Untuk menjawab Persoalan Kajian (3) pula, kehadiran setiap jenis maklumat linguistik, termasuk setiap subkategori maklumat diasistematik yang disediakan untuk KK berimbuan meN- dikaji dari segi kehadirannya.

Dari segi catatan hasil analisis, hasil analisis untuk Persoalan Kajian (1), (2) dan (3) untuk setiap kategori KK berimbuan meN- masing-masing akan dicatatkan dalam enam dokumen Excel yang mengandungi senarai data kajian, iaitu Lampiran dalam tesis ini. Untuk Persoalan Kajian (1), hasil analisis dicatatkan mengikut makna dan pecahan makna yang disediakan untuk KK berimbuan meN-, manakala hasil analisis untuk Persoalan Kajian (2) dicatatkan mengikut setiap padanan yang disediakan untuk setiap makna dan pecahan makna KK berimbuan meN-. Untuk Persoalan Kajian (3) pula, hasil analisis dicatatkan mengikut entri KK berimbuan meN-.

Dari segi pemilihan data dan pencerakinan data, cara pemilihan data yang akan dihuraikan untuk mencapai objektif Persoalan Kajian (1), (2) dan (3) adalah bergantung pada hasil analisis yang diperolehi. Perinciannya masing-masing akan dijelaskan dalam Bab 3, 4 dan 5.

Dari segi data kajian, data yang dikaji dalam kajian ini diambil daripada *Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru* (KUBMC) yang diterbitkan pada tahun 2015. KUBMC dipilih sebagai bahan kajian disebabkan kamus ini merupakan satu-satunya kamus dwibahasa besar bahasa Melayu-Cina yang wujud dalam pasaran sama ada di negara ini atau di luar negara. Tambahan lagi, KUBMC merupakan antara kamus besar bahasa Melayu-Cina yang mengandungi entri yang paling banyak dan komprehensif.

KUBMC mengandungi 1,734 muka surat yang menghimpunkan 152,478 entri yang terdiri daripada 9,737 kata tunggal, 25,076 kata terbitan, dan 117,665 kata majmuk (Lianhe Zaobao, 2015). Jadual 1.4 menunjukkan perincian tentang entri yang terkandung dalam KUBMC.

Jadual 1.4 Entri yang terkandung dalam KUBMC


| Jenis Kata          | Jumlah         | Peratus (%)   |
|---------------------|----------------|---------------|
| Kata tunggal        | 9,737          | 6.39          |
| Kata terbitan       | 25,076         | 16.44         |
| Kata majmuk         | 117,665        | 77.17         |
| <b>JUMLAH BESAR</b> | <b>152,478</b> | <b>100.00</b> |

Daripada 25,076 kata terbitan yang terkandung dalam KUBMC, 10,286 atau 41.02% daripada entri kata terbitan dalam kamus tersebut merupakan KK berimbuan meN-. Dalam kajian ini, KK berimbuan meN- yang meliputi KK berawalan meN-, KK berawalan memper-, KK berapitan meN-...-i, KK berapitan meN-...-kan, KK berapitan memper-...-i, dan KK berapitan memper-...-kan serta maklumat linguistik



yang disediakan (yang menepati makna yang dimuatkan dalam KD) dalam KUBMC akan dijadikan data kajian.

Ringkasan metodologi kajian adalah seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1.1. Perincian tentang tatacara kajian untuk Persoalan Kajian (1), (2) dan (3) masing-masing akan dijelaskan dalam Bab 3, 4 dan 5.



Rajah 1.1 Ringkasan metodologi kajian

## 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas pada:

- (1) 8,376 entri daripada keseluruhan entri yang berjumlah 152,478 entri dalam KUBMC yang merupakan KK berimbuhan meN-. Entri KK berimbuhan meN- (bukan di-, ber-, dan lain-lain) dijadikan tumpuan kajian disebabkan oleh kekayaan (41.02% daripada jumlah kata terbitan dalam KUBMC) dan kepelbagaian KK berimbuhan meN- jika dibandingkan dengan KK imbuhan lain.

- (2) 8,376 KK berimbunan meN- tersebut terdiri daripada KK berimbunan meN- yang terdapat dalam KD sahaja. KK berimbunan meN- yang terdapat dalam KUBMC tetapi tidak dimuatkan dalam KD dikecualikan dalam data kajian. Hal ini demikian kerana KD merupakan rujukan utama dalam kajian ini.
- (3) 8,376 KK berimbunan meN- mempunyai 12,022 yang makna dan pecahan maknanya yang menepati makna yang dimuatkan dalam KD sahaja dikaji. Makna dan pecahan makna KK berimbunan meN- yang maknanya tidak menepati makna yang dimuat dalam KD dikecualikan dalam data kajian. Hal ini disebabkan pencerakinan tentang makna KK berimbunan adalah dilakukan berdasarkan makna yang dimuatkan dalam KD.
- (4) Maklumat linguistik bagi KK berimbunan meN- dalam KUBMC sahaja yang dikaji. Maklumat bukan linguistik, iaitu maklumat piktorial, maklumat onomastik, maklumat ensiklopedik dan maklumat-maklumat lain tidak termasuk dalam skop kajian. Hal ini demikian kerana isu-isu yang diketemukan dalam sorotan kajian lepas dan sorotan kepustakaan lebih cenderung kepada masalah tentang maklumat linguistik.
- (5) KK berimbunan meN- yang merupakan kata ganda (seperti mengercak-gercak, bantu-membantu) dan kata majmuk (seperti mengambil alih, menyatupadukan) juga tidak termasuk dalam data kajian kerana data yang dibina daripada kata akar KK berimbunan meN- itu sendiri sudah cukup besar untuk ditangani dalam tempoh kajian ini.